



## Mengucapkan Kalimah Kufur

1. Isa bin Haji Abdullah dari Sembawang

Singapura bertanya:

Jika seseorang telah dipaksa supaya keluar dari agama Islam, lalu dia pun mengucapkan kata-kata yang menyebabkan terkeluar dari agama Islam, tetapi hatinya masih beriman, adakah dia dikira kafir? dan bagaimanakah dia mesti bertaubat?

### Jawapannya:

Masalah ini boleh didapati penjelasannya dalam firman Allah Ta'ālā (ayat 106 Surah al-Naḥl) yang berbunyi:

*"Man kafara bil'Lāhi min ba'di ṭmānihi illā man ukriha wa qalbuhū muṭma'innun bil-ṭmāni wa lākim man sharaḥa bil-kufri ṣadrān fa'alayhim ghaḍabun minal'Lāhi wa lahum 'adhābun 'aẓīmun"*

Ertinya: "Barang siapa telah kufur (ingkar) terhadap Allah sesudah ia beriman – kecuali orang yang dipaksa sedang hatinya tetap beriman – tetapi orang yang terbuka dadanya kepada kekufuran, maka murka Allah (akan ditimpakan) keatas mereka dan bagi mereka seksa yang besar"

Maksudnya: Ayat ini menerangkan tentang kedudukan orang yang telah kufur itu ada 3 golongan:

1. Orang yang kufur dengan pengakuan lidahnya sahaja tidak dengan pengakuan hatinya.
2. Orang yang kufur dengan pengakuan lidahnya bersama-sama dengan pengakuan hatinya.
3. Orang yang kufur dengan pengakuan lidahnya sahaja, iaitu menuturkan kata-kata yang membawa kufur (kalimah kufur) tanpa meng'itiqadkan dalam hatinya, sedang dirinya dipaksa oleh orang supaya berbuat demikian.

Adapun golongan yang ketiga ini, tidak dikira sebagai kufur. Oleh itu ayat di atas memberikan pengecualian dengan menekankan pada ayat "*illā man ukriha wa qalbuhū muṭma'innun*" ertinya: "Kecuali orang yang dipaksa (supaya kufur) sedang hatinya masih tetap beriman (dengan tenteram)."

Dalam kitab-kitab sejarah Islam, ada diceritakan tentang riwayat hidup sahabat Nabi (S.A.W) yang bernama "Bilāl bin Abī Rabbah" *raḍīya Allahu 'anhu*. Beliau tetap bersabar tatkala diseksa oleh tuannya dari golongan musyrikin Mekah kerana enggan menuturkan kata-kata kufur, enggan untuk keluar dari agama Islam. Malahan setiap beliau di seksa, setiap itu pula diulang-ulangkannya mengucap kalimah "*Aḥad, Aḥad, Aḥad*" dimaksudkan; Tak ada Tuhan selain yang Maha Esa. Tetapi bukanlah semua orang jiwanya besar, kuat menahan derita seperti Bilāl.

Ada lagi diceritakan; seorang sahabat Nabi (S.A.W) telah dipaksa oleh orang musyrik supaya kufur, jika tidak mahu akan diseksa. Maka terpaksa ia menuturkan kalimah kufur dengan lisannya sedang hatinya penuh dengan keimanan, namanya ialah "Ammār bin Yāsir" manakala diketahui oleh sahabat-sahabat Ammār akan perbuatannya lalu mereka menanyakan kepada Rasulullah dengan berkata: "Ya Rasulullah! Sesungguhnya Ammār telah pun kufur"

Maka baginda telah menjawab dengan sabdanya:

“*Kallā! Innī malīun īmānan min fauqīhi ilā qaddamhu wakhtilat a-īmāna bilahmah wa damhu*”

Ertinya: “Tidak sekali-kali! Sesungguhnya Ammar penuh dengan keimanan sejak dari hujung rambut di kepalanya hingga sampai ke tapak kakinya. Imannya telah sebati dengan darah dagingnya.

Dan ketika Ammar dibawa orang mendapatkan baginda, ia telah menangis yang segera disapu air matanya oleh baginda seraya bersabda: “*An ‘ādūw fa ‘ad lahum bimā qultū*” ertinya: Sekira mereka kembali (memaksa) lagi, kembalilah kepada mereka seperti yang engkau ucapkan.

Maksudnya: Jika engkau dipaksa mengulang menuturkan kata-kata kufur itu sekali lagi, tuturkanlah di hadapan mereka.

Seterusnya para ulama’ ahli tafsir (mufassirin) ada menyebutkan, bahawasanya seseorang itu harus (dibolehkan) melepaskan kalimah kufur dengan syarat hatinya tetap beriman – sekiranya dia disiksa yang tidak akan terdaya - seperti: diancam hendak membunuhnya, atau memukulnya dengan pukulan yang dahsyat, atau seksa yang mengerikan.

Kemudian terdapat pula dalam (ayat 110 Surah al-Naḥl) berbunyi: “*thumma inna rabbaka lilladhīna hājarū min ba ‘di mā futinū thumma jāhadū wa ṣabarū ‘inna rabbaka min ba ‘dihā laghafūrun raḥīm.*”

Ertinya: “Kemudian Tuhan engkau mengampuni orang-orang yang berpindah ke Madinah, sesudah mereka itu mendapat cubaan, kemudian mereka itu berperang dan sabar, sesungguhnya Tuhan engkau kemudian itu amat pengampun

lagi penyayang.”

Maksudnya: Ayat ini menyatakan bahawasanya sesiapa yang telah menuturkan kalimah kufur dengan apa cara sekali pun, wajiblah bertaubat kepada Allah Ta‘ālā dengan sebenar-benar taubat, lalu segeralah ia berhijrah (pindah) ke peringkat yang dikawal oleh Allah dengan berbuat taat, berbuat ibadat, menjauhi larangan dan tegahan Allah, berjihad atau berjuang pada jalan Allah sekuat tenaganya dan sabar dalam ketaatannya.

Dengan demikian maka Allah akan mengampunkan dosanya, dan memimpinya ke jalan yang baik. Kerana sesungguhnya Allah itu bersifat pengampun lagi penyayang.

\* \* \*

#### **Kewajipan berkhatan.**

1. Nuruddin bin Ali dari Pulau Berani


Singapura, bertanya:

Tolong tuan jelaskan hukum sebenarnya berkenaan berkhatan dalam agama Islam, adakah diwajibkan atau pun tidak, sama ada kepada lelaki atau pun perempuan?

#### **Jawapan:**

Sebagaimana yang dijelaskan oleh ulama mazhab yang empat, bahawa “berkhatan” itu dapat disimpulkan menjadi 3 pendapat yang masing-masing seperti berikut:

1. Berkhatan itu hukumnya wajib atas kaum lelaki dan kaum perempuan, iaitu mengikut *qaul* yang muktamad di sisi Mazhab Shafi‘ī dan Mazhab Hanbali.
2. Hukumnya hanya sunat sahaja ke atas orang lelaki begitu pula orang perempuan, iaitu mengikut *qaul* muktamad di sisi Mazhab Hanafi dan Mazhab Maliki.
3. Ada pula suatu pendapat dari kalangan Shafi‘ī



*Bab al-Saud, iaitu pintu masuk ke Masjidil Haram di Makkah. Pintu ini mengambil nama Jalalah al-Malik Saud yang telah membina semula Masjidil Haram dengan memakan belanja lebih dari 50,000 million pound.*

dan Hanbali yang mengatakan, bahawasanya berkhatan itu hanya wajib ke atas lelaki sahaja, dan sunat ke atas perempuan.

(a) Ada pun pendapat yang mengatakan wajib berkhatan itu: Hendaklah dilakukan dengan segera sebaik-baik sahaja seseorang itu telah baligh, kecuali dikhuatiri akan mengancam keselamatan, maka bolehlah menunggu ke masa yang meyakinkan keselamatan akan terjamin.

(b) Seelok-eloknya bagi wali si anak yang masih kecil, mengkhatankan semasa anak itu berumur 7 hari dari kelahirannya. Ini jika dia tahan, jika

tidak tahan untuk dikhatankan bolehlah diundurkan ke masa yang lain yang dia boleh tahan.

(ta) Ada pun cara berkhatan pada lelaki itu ialah; mengerat kulit (kelopak) yang menutup kemaluannya hingga ketakuk – sekira-kira terdedah kesemua takuknya.

(tha) Ada pun berkhatan pada perempuan pula ialah; menghiris sebahagian kecil sahaja akan kulit yang menutupi biji kelentitnya, dan sunat tidak terlampau banyak menghirisnya. Wa Allahu a'lam.